

KATA HUBUNG Kata hubung ialah **perkataan yang digunakan untuk menggabungkan** **rangka kata dengan rangka kata dan ayat dengan ayat.**

Kata Hubung	Contoh Ayat
agar	Saya berharap agar kamu dapat menghubungi dia segera.
apabila	Mukanya pucat apabila disoal.
atau	Awak boleh menaiki bas atau teksi untuk ke sana.
bahawa	Kami yakin bahawa yang dikatakannya itu benar.
dan	Leela dan kawannya berbual hingga larut malam.
hingga	Ayah dan kawannya berbual hingga larut malam.
Jika	Saya berpayung jika hujan.
jikalau	Jikalau saya kaya, saya akan membina rumah kebajikan.
kecuali	Semua murid hadir kecuali Ahmad.
kerana	Aini menangis kerana terlalu sedih.
lalu	Burung itu terbang lalu hinggap di dahan pohon.
manakala	Baju Karim bersih manakala baju adiknya kotor.
sambil	Zalifah bernyanyi sambil menari.
serta	Zahid serta abangnya menonton wayang.
semenjak	Saya berkawan dengannya semenjak kecil.
sementara	Berusahalah sekuat mungkin sementara badan masih sihat.
sungguhpun	Sungguhpun buta, orang itu mampu berdikari.
supaya	Belajarlah bersungguh-sungguh supaya pandai.
walaupun	Walaupun letih, diselesaikannya juga kerja itu.
tetapi	Badannya besar tetapi penakut.

Lengkapkan ayat di bawah ini dengan **KATA HUBUNG** yang sesuai.

1. Hamid tidak datang ke sekolah _____ minggu lepas.
2. Murid-murid diminta beratur _____ menaiki bas.
3. Makanlah makanan yang berkhasiat _____ badan kamu sentiasa cergas.
4. Sampah itu dikutipnya _____ dibuangnya ke dalam tong sampah.
5. Perlawanan itu akan dibatalkan _____ hujan turun dengan lebatnya.